

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU]

TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula larangan untuk menggunakan parabola selain dari ku band yang banyak digunakan kini terutamanya di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah menetapkan bahawa pemilikan dan penggunaan Parabola oleh orang awam adalah tidak dibenarkan.
2. Secara dasarnya, Kementerian ini tidak bercadang untuk menarik semula larangan tersebut setelah mengambil kira faktor serta kepentingan khusus yang menjadi keutamaan kerajaan.
3. Keputusan tersebut dilihat mampu melindungi serta mengekang aktiviti mengakses kandungan yang tidak sesuai dan bertentangan dengan moral, budaya dan ideologi bangsa dan negara ini dengan sewenang-wenangnya oleh kalangan orang awam.

SOALAN NO : 37

4. Dasar sedia ada merupakan mekanisme kawalan dan tapisan terhadap kandungan yang boleh diterima dari setelit setelit luar negara kerana penyedia perkhidmatan kandungan luar negara tidak dilesenkan di Malaysia dan tidak tertakluk kepada perundangan negara.
5. Selain itu larangan ini mampu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri penyiaran negara melalui percambahan penyedia kandungan, pemberian keutamaan kepada kandungan tempatan dan persaingan sihat antara pemegang-pemegang lesen dalam memberi siaran bermutu dan berliputan luas.
6. Bagi membantu rakyat di pedalaman menikmati perkembangan dunia luar, pihak swasta seperti ASTRO telah menyediakan perkhidmatan "Njoi" iaitu perkhidmatan mengakses siaran penyiar TV Malaysia (RTM/MediaPrima/ASTRO) secara PERCUMA melalui parabola ASTRO. Liputan perkhidmatan ini adalah meliputi seluruh negara di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Melalui perkhidmatan ini, rakyat Sabah & Sarawak boleh menikmati siaran TV yang disediakan oleh pihak Kerajaan dan swasta di Malaysia secara percuma.